

ATURAN-ATURAN SIMPANAN KHAS BAGI ANGGOTA KPPUMB

TUJUAN SIMPANAN KHAS

1. Setiap anggota bolehlah membuat simpanan bulanan bagi satu atau lebih tujuan-tujuan yang berikut:
 - (a) pembiayaan perubatan dirinya sendiri atau anggota keluarganya;
 - (b) pembiayaan pendidikan dirinya sendiri atau anggota keluarganya;
 - (c) pembiayaan perkahwinan dirinya sendiri atau anggota keluarganya;
 - (d) pembiayaan pengkebumian anggota keluarga yang tinggal bersamanya;
 - (e) untuk membina, membeli atau mengubahsuai rumah kediamannya di Malaysia;
 - (f) untuk membeli tanah untuk kegunaannya di Malaysia;
 - (g) pembiayaan percutian dan hari-hari keramaian;
 - (h) pembiayaan premium insuran dan
 - (i) sebarang tujuan lain yang diluluskan oleh Lembaga

SIMPANAN MINIMA/MAKSIMA


2.
 - a) Caruman minima simpanan khas setiap bulan hendaklah tidak kurang daripada RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh sahaja) pada setiap bulan. Kadar simpanan boleh ditukar pada bila-bila masa.
 - b) Caruman maksima simpanan khas setiap bulan hendaklah tidak melebihi RM500.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja)
 - c) Semua caruman Simpanan Khas hendaklah dibuat dalam gandaan RM5.00 (Ringgit Malaysia : Lima sahaja)
3. Caj perkhidmatan bagi simpanan khas akan hanya dibayar pada simpanan terkumpul yang mencapai sekurang-kurangnya lima puluh Ringgit Malaysia. Ianya akan dikira pada setengah tahun iaitu masing-masing pada 30 Jun dan 31 Disember, dikira berdasarkan baki minima dan hendaklah dikreditkan dalam akaun simpanan anggota. Kadar caj perkhidmatan bagi simpanan khas hendaklah ditentukan oleh Lembaga setiap tahun.

PENGELUARAN SIMPANAN


4. Seseorang penyimpan hendaklah memberi notis bertulis kepada Lembaga untuk sekurang-kurangnya tiga hari tentang keinginannya untuk mengeluarkan simpanannya, atau sebahagian daripadanya. Lembaga bolehlah, mengikut budi bicaranya, menerima tempoh notis yang lebih pendek daripada itu. Tiada pengeluaran boleh dibenarkan sehingga deposit terkumpulnya berjumlah minima

enam puluh Ringgit Malaysia dan bilangan pengeluaran hendaklah tidak melebihi tiga kali setahun, kecuali dengan kebenaran Lembaga.


Diakui aturan-aturan ini telah dibentang, dibincang dan diterima di dalam mesyuarat agung tahunan koperasi yang ke 37 bertarikh tujuh belas haribulan Jun tahun dua ribu sembilan.



Amran b. Said
Pengerusi



Hanifah b. Abdullah
Setiausaha



K. GUNASAGARAN
Bendahari